

18/08/1997

Banyak perkara perlu dipelajari

KOTA KINABALU, Ahad - Umno Sabah masih perlu banyak belajar bagi memastikan ia terus menjadi parti yang penting di negeri itu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun usia Umno di Sabah baru enam tahun, kehadirannya menjadi penting.

"Hari ini Umno Sabah adalah parti terbesar di negeri itu."

"Tetapi kerana Umno Sabah adalah yang termuda, ia perlu banyak belajar kerana yang baru sepatutnya belajar daripada golongan tua yang mungkin lebih banyak pengalaman dan pengetahuan," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Sabah Keempat di sini, hari ini.

Oleh itu, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata, tema konvensyen kali ini iaitu Ke Arah Penghayatan Budaya Umno amat penting supaya budaya Umno yang sama dihayati di kalangan semua Umno negeri.

Beliau menjelaskan kehadiran Umno ke Sabah tidak berniat mencero boh, sebaliknya bertujuan membela nasib rakyat kerana keadaan terdesak yang memaksa penubuhannya perlu disegerakan.

(END)